

17 DEC 1998

Zainal-Gaji

MTUC YAKIN SKIM GAJI MINIMUM DIPERKENAL SELEPAS EKONOMI PULIH

KUALA TERENGGANU, 17 Dis (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) yakin skim gaji minimum akan diperkenalkan di negara ini apabila ekonomi pulih, kata presidennya Senator Zainal Rampak.

Beliau berkata dalam pertemuan antara kesatuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Ogos lepas, beliau (Dr Mahathir) telah mencadangkan agar skim gaji tersebut dapat diperkenalkan setelah ekonomi pulih sepenuhnya.

"Malah Dr Mahathir sendiri mencadangkan skim gaji minimum sebanyak RM1,200, bagaimanapun beliau berkata skim tersebut tidak dapat dilaksanakan sekarang kerana kegawatan ekonomi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan dwi tahunan kali ketiga Kesatuan Kebangsaan Pembantu Tadbir Kesihatan Semenanjung Malaysia, di sini hari ini.

Cadangan skim gaji minimum itu diutarakan oleh kesatuan sejak dua tahun lepas, agar kerajaan menetapkan gaji minimum sebanyak RM600.

Menurutnya skim itu wajar diperkenalkan berikutan kos sara hidup yang tinggi.

Mengenai kelulusan akademik pekerja pula, Zainal berkata mutu pendidikan di Malaysia telah mencapai tahap yang sangat baik, malah antara yang terbaik di Asia Pasifik.

Zainal berkata skim tersebut tidak akan membebankan majikan kerana pelbagai kemudahan telah disediakan kerajaan untuk membantu perniagaan mereka.

Beliau juga meminta kerajaan memperbanyakkan institusi-institusi kemahiran bagi melatih lebih ramai tenaga mahir.

Ditanya sama ada skim latihan tersebut akan mewujudkan persaingan terhadap tenaga buruh yang murah, beliau berkata persaingan wujud di mana-mana, tetapi dengan mempunyai tenaga mahir yang banyak dan berdisiplin, ia akan memberi keyakinan kepada para pelabur untuk melabur di negara ini.

Beliau berkata berasaskan langkah-langkah pemulihan ekonomi yang dilaksanakan kerajaan, ekonomi negara dijangka akan pulih tidak lama lagi.

-- BERNAMA

SBS RI